A

Pendakwa Raya lwn Syed Ahmad Saifuddin bin Syed Ali dan lain-lain

B MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–61 TAHUN 2002
ZAHARAH IBRAHIM PK
5 JANUARY 2006

C *Undang-Undang Jenayah — Dadah Berbahaya — s 39B — Pengedaran dadah berbahaya — Niat bersama — Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan tentang kanabis berkenaan — Sama ada tahap melampaui keraguan munasabah telah dicapai — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 39B(1)(a) & (2)*

D *Undang-Undang Jenayah — Dadah Merbahaya — s 39B — Pengedaran dadah berbahaya — Sama ada tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan kanabis berkenaan — Sama ada melampaui keraguan munasabah telah dicapai — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 39B(1)(a) & (2)*

E

Ketiga-tiga tertuduh telah dituduh bersama-sama, mendapati niat bersama mengedar dadah berbahaya iaitu kanabis seberat 56,766g. Oleh yang demikian ketiga-tiga tertuduh telah dituduh melakukan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) ADB, dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Mengikut keterangan yang telah diberikan oleh Penguasa Kastam, beliau telah menerima maklumat daripada orang awam menyatakan ada sindiket penyeludupan dadah akan berlaku dengan menggunakan kereta awam. Beliau telah mengumpulkan sebuah pasukan serbuan yang terdiri daripada tiga unit kereta dan lapan orang anggota, termasuk beliau. Maklumat lanjut telah diterima daripada orang awam yang mengatakan kenderaan yang menjadi sasaran ialah sebuah kereta Honda Civic jenis lama, berwarna gelap. Beberapa minit kemudian maklumat lanjut diterima yang mengatakan nombor kenderaan sasaran itu ialah WM 3193. Anggota dari salah sebuah kereta dalam pasukan serbuan, telah dapat mengesan kereta WM 3193 di kawasan sebuah rumah yang berpagar di Petaling Jaya. Kereta WM 3193 kemudian dilihat bergerak keluar dari rumah tersebut dan Penguasa Kastam serta pasukannya dalam tiga kereta telah mengekori kereta WM 3193. Setelah mengekori kereta WM 3193, ia telah dikepung. Kereta WM 3193 kemudian ditahan bersama ketiga-tiga orang yang berada di dalamnya. Ketiga-tiga orang di dalam kereta WM 3193 telah dikenal pasti sebagai ketiga-tiga tertuduh. Di atas tempat duduk di belakang pemandu, telah dijumpai dua beg galas berwarna hitam, satu beg plastik berwarna hitam dan satu sampul surat. Di dalam but kereta WM 3193 ditemui dua karung plastik hitam. Setiap karung telah diperiksa dan di dalam karung yang ditemui di lantai di belakang tempat duduk pemandu didapati ada 20 ketulan mampat bahan tumbuhan, sementara di dalam dua karung yang ditemui di dalam but kereta didapati masing-masing ada 17 dan 20 ketulan mampat bahan tumbuhan.

Diputuskan:

(1) Dalam kes ini keterangan yang ada hanyalah bahawa ketiga-tiga tertuduh berada dalam kereta WM 3193 dari masa kereta itu keluar dari rumah di No 18 hinggalah kereta itu ditahan 30 minit kemudian. Tidak ada langsung apa-apa keterangan tentang apakah yang berlaku di dalam kereta itu sepanjang masa 30 minit itu walaupun kereta itu diekori oleh pasukan serbuan dalam tiga buah kenderaan (lihat perenggan 36). Pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan kewujudan niat bersama pada ketiga-tiga atau mana-mana tertuduh (lihat perenggan 37).

(2) Keterangan dalam kes ini tidak cukup untuk menunjukkan bahawa ketiga-tiga tertuduh atau mana-mana tertuduh tahu bahawa karung-karung plastik hitam yang ditemui dalam kereta WM 3193, khususnya karung plastik hitam yang ditemui di lantai di belakang tempat duduk pemandu, mengandungi dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan (lihat perenggan 41). Walaupun dalam kes ini mungkin timbul syak bahawa ketiga-tiga tertuduh atau mana-mana tertuduh tahu tentang kewujudan dadah berbahaya dalam karung plastik hitam di lantai di belakang tempat duduk pemandu, namun tiada apa-apa keterangan yang dapat dijadikan sandaran untuk membuktikan bahawa memang pengetahuan sedemikian wujud. (lihat perenggan 42). Oleh yang demikian, pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan bahawa ketiga-tiga tertuduh atau mana-mana tertuduh tahu tentang adanya kanabis dalam karung-karung plastik hitam itu, khususnya yang berada di lantai di belakang tempat duduk pemandu (lihat perenggan 43).

(3) Tidak ada apa-apa keterangan dalam kes ini yang dapat menunjukkan sama ada kesemua tertuduh atau siapakah tertuduh yang mempunyai kuasa untuk mengawal dadah yang berada dalam karung-karung plastik hitam itu. Kereta WM3193 dibeli oleh dan berada dalam milikan tertuduh pertama tetapi fakta kes tidak mendedahkan siapakah yang meletakkan dan bilakah diletakkan karung-karung plastik hitam itu ke dalam WM 3193. Oleh yang demikian, wujud kemungkinan bahawa mana-mana atau kesemua tertuduh mempunyai akses kepada kereta itu. Bagaimanapun, kalau sekalipun mana-mana daripada tertuduh memasukkan karung-karung itu ke dalam kereta WM 3193, fakta itu pun tidak cukup untuk menunjukkan bahawa dia atau mana-mana tertuduh yang lain mempunyai kawalan ke atas karung-karung yang mengandungi dadah itu. Dengan yang demikian, pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan bahawa ketiga-tiga atau mana-mana daripada tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan (lihat perenggan 46).

(4) Dengan kegagalan pihak pendakwa untuk membuktikan unsur pengetahuan dan kawalan atau jagaan maka pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan milikan sebenar dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan oleh ketiga-tiga tertuduh atau mana-mana tertuduh (lihat perenggan 48).

[English summary

The three accused were charged together, having had the common intention to traffic dangerous drugs, ie cannabis weighing 56,766g. Therefore the three accused were

A accused to have commited an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') and punishable under s 39B(2) of the DDA, read together with s 34 of the Penal Code. Based on the evidence given by the Customs' Officer, he had received information from the public claiming that there was a syndicate and smuggling of drugs which would take place using public cars. He gathered an B investigating team consisting of three units of cars and eight personnel, including himself. Further information was received from the public that the vehicle aimed was a dark coloured, old type Honda Civic. A few minutes later, further information was received that the aimed car number was WM 3193. The personnel from one of the investigating teams were able to detect the WM 3193 car, in the area of a fenced house in Petaling Jaya. The WM 3193 car was then seen moving out of the said house C and the Customs' Officer and his teams in three cars followed the WM 3193 car. After tailing the WM 3193 car, it was surrounded. The WM 3193 car was stopped together with the three persons in it. The three persons in the WM 3193 car were identified as the three accused. On the back seat behind the driver, two black sling bags were found, one black plastic sack and an envelope. In the booth of the D WM 3193 car two black plastic sacks were found. Each sack was examined and in the sack that was found at the back of the driver's seat, 20 compressed lumps of plant material were found, whereas in the two sacks in the booth, 17 and 20 compressed lumps of plant material were respectively found.

E

Held:

(1) In this case, the evidence was only that the three accused were in the WM 3193 car from the time the car left the house No 18 until it was stopped 30 minutes later. There was no evidence at all about what had happened in the car F throughout that 30 minutes although the car was tailed by the investigating teams in three cars (see para 36). The prosecution had failed to prove the existence of the common intention of the three accused or any of the accused (see para 37).

(2) The evidence in this case was not enough to show that the three accused or any G of the accused knew that the black plastic sacks which were found in WM 3193 car, especially the plastic sacks found on the floor behind the driver's seat, contained drugs which was the subject matter of the charge (see para 41). Although in this case there was doubt that the three accused knew about the existence of the dangerous drugs in the black plastic sacks on the floor behind H the drivers seat, however there was no evidence that could be relied on to prove that there was existence of such knowledge (see para 42). Therefore, the prosecution had failed to prove that the three accused or any of the accused knew that there was cannabis in the black plastic sacks, especially those which were lying on the floor behind the driver's seat (see para 43).

I (3) There was no evidence in this case which could show whether all the accused or who was the accused who had the power to control the drugs in the black plastic sacks. The WM3193 car was bought and was in the ownership of the first accused but the facts of the case did not disclose who was the one who had placed and when the black plastic sacks were placed into WM 3193. Therefore, there was a possibility that any one of the accused had access to the said car.

However, even if any of the accused had placed the sacks into the WM 3193 car, that fact was not enough to show that he or any of the other accused had control over the sacks containing the drugs. With that, the prosecution had failed to prove that the three accused or any of the other accused had custody and control over the dangerous drugs which was the subject matter of the charge (see para 46).

(4) With the failure of the prosecution to prove the element of knowledge as well as control or custody, hence, the prosecution had failed to prove the true ownership of the dangerous drugs by the three accused or any of the accused which was the subject matter of the charge (see para 48).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengedaran dadah berbahaya, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 230–268.

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301 (dirujuk)
Choo Yoke Choy v PP [1992] 2 MLJ 632 (dirujuk)
Leow Nghee Lim v R [1956] MLJ 28 (dirujuk)
Muhammed bin Hassan v PP [1998] 2 MLJ 273 (dirujuk)
Namasiyiam & Ors v PP [1987] 2 MLJ 336 (dirujuk)
PP v Ayyavoo a/l Subramaniam & Anor [2004] 6 MLJ 511 (dirujuk)
PP v Tan Tatt Eek [2005] 4 CLJ 460 (dirujuk)
PP v Tan Tatt Eek and other appeals [2005] 2 MLJ 685 (dirujuk)
Sabarudin bin Non & Ors v PP [2005] 4 MLJ 37 (dirujuk)
Shamsuddin bin Hassan & Anor v PP [1991] 3 MLJ 314 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), (da), 39A(2)
Kanun Keseksaan s 34
Kanun Keseksaan [India] s 34

Anas bin Ahmad Zakie (Timbalan Pendakwa Raya) for the prosecution
Gobind Singh Deo (Suraj Singh & Ram Karpal Singh with him) (Karpal Singh & Co) for the first and second accused.
Hasnah Hamzah (Hasnah Hamzah) for the third accused.

Zaharah Ibrahim PK:

PERTUDUHAN

[1] Pertuduhan yang telah dikemukakan terhadap ketiga-tiga tertuduh adalah seperti yang berikut:

Bahawa kamu bersama-sama pada 25 Mei 2001 lebih kurang jam 10.30 pagi di Jalan 5/58, Gasing Indah di dalam Daerah Petaling di Negeri Selangor Darul Ehsan, telah didapati dengan niat bersama mengedar dadah berbahaya iaitu kanabis seberat 56,766g. Oleh yang

demikian kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama, dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan.

PERJALANAN KES

[2] Pendakwaan telah dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Anas bin Ahmad Zakie, sementara tertuduh pertama dan kedua diwakili oleh Encik Gobind Singh Deo yang dibantu oleh Encik Suraj Singh dan Encik Ram Karpal Singh dan tertuduh ketiga diwakili oleh Encik Hasnan Hamzah.

[3] Bagi membuktikan pertuduhan itu, pihak pendakwa telah memanggil 10 orang saksi dan mengemukakan 105 ekshibit, termasuk dadah berbahaya yang disebut dalam pertuduhan.

[4] Kes pihak pendakwa telah ditutup pada 7 Oktober /2005 dan hujah bagi pihak pembelaan didengar pada had yang sama. Hujah timbalan pendakwa raya didengar pada 28 Oktober 2005. Keputusan sama ada tertuduh wajar dipanggil untuk membela dirinya telah dibuat pada tarikh itu juga. Setelah menilai keterangan yang diberikan dalam kes pendakwaan dan mendengar hujah timbalan pendakwa raya dan peguam bela, saya telah memutuskan bahawa pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes prima facie bagi kesalahan dalam pertuduhan yang dikemukakan terhadap ketiga-tiga. tertuduh dan ketiga-tiga tertuduh telah dibebaskan dan dilepaskan tanpa dipanggil membela diri.

[5] Pendakwa Raya tidak berpuas hati dengan keputusan saya itu dan pada 2 November 2005 telah memfailkan rayuan terhadap keputusan itu.

FAKTA KES

[6] Mengikut keterangan yang telah diberikan oleh Penguasa Kastam Encik Amaludin bin Gimin (SP6), pada lebih kurang jam 6 petang, 24 Mei 2005, beliau telah menerima maklumat daripada orang awam menyatakan ada sindiket penyeludupan dadah akan berlaku di Petaling Jaya dengan menggunakan kereta awam. SP6 telah mengumpulkan sebuah pasukan serbuan yang terdiri daripada tiga unit kereta dan lapan orang anggota, termasuk beliau. Taklimat telah diberikan kepada anggota serbuan. Semasa SP6 mengarahkan pasukannya bergerak, maklumat lanjut telah diterima daripada orang awam yang mengatakan kenderaan yang menjadi sasaran ialah sebuah kereta Honda Civic jenis lama, berwarna gelap. Beberapa minit kemudian maklumat lanjut diterima yang mengatakan nombor kenderaan sasaran itu ialah WM 3193.

[7] SP6 dan pasukannya telah tiba di Petaling Jaya kira-kira jam 8.20 malam. Apabila kenderaan sasaran ('kereta WM 3193') gagal ditemui, SP6 telah mengarahkan pasukannya mengesan kereta WM 3193 di kawasan Kampung Kerinchi, Kampung Pasir dan Kampung Baru di Kuala Lumpur. Namun masih tidak berjaya. Pasukan itu kemudian berkumpul semula di pejabat pada jam 12 malam.

[8] Dari jam 1 pagi hingga 2 pagi 25 Mei 2001, pasukan serbuan telah cuba mengesan kereta WM 3193 di tempat terakhir kenderaan itu dilihat, iaitu berhampiran kuil Hindu di PJ State.

[9] Pada jam lebih kurang 2 pagi, Pegawai Kastam, Zulkifli bin Shahadan (SP9), iaitu anggota dari salah sebuah kereta dalam pasukan serbuan, telah dapat mengesan kereta WM 3193 di kawasan sebuah rumah yang berpagar di No 18, Jalan Padang 4/48, Petaling Jaya. Kemudiannya SP6 sendiri telah dapat mengesahkan kehadiran kereta WM 3193 di situ.

[10] SP6 telah mengarahkan anggota serbuan mengawal di kiri kanan Jalan Padang 4/48. Beliau sendiri, bersama SP8 mengawal di hadapan rumah No 18 Jalan Padang 4/48 itu. Dari tempat beliau berkawal, SP6 tidak boleh nampak kawasan rumah itu. Beliau hanya boleh nampak pintu pagar sahaja.

[11] Sehingga jam 9.30 pagi, tidak ada pergerakan keluar masuk rumah No 18 itu. Sepanjang masa itu, SP6 dan SP8 sentiasa berada di dalam kereta.

[12] Pada jam lebih kurang 9.30 pagi, SP6 melihat seorang lelaki, yang dicamkannya sebagai tertuduh kedua, masuk ke kawasan rumah No 18. Pada jam lebih kurang 10 pagi, pintu pagar dilihat terbuka. Tiada pergerakan dilihat dalam tempoh dari masa tertuduh kedua masuk sehingga masa pintu pagar terbuka. SP6 tidak perasan siapa yang membuka pintu pagar dan sama ada pintu pagar ditutup semula. Kereta WM 3193 dilihat bergerak keluar dan SP6 serta pasukannya dalam 3 kereta telah mengekori kereta WM 3193.

[13] Setelah mengekori kereta WM 3193 di beberapa batang Jalan, kereta WM 3193 telah dikepung di Jalan 5/58 ketika hendak masuk ke Jalan 5/46A. Kepungan dibuat oleh dua dari pada kereta pasukan serbuan, termasuk kereta yang dinaiki oleh SP9. Kereta WM 3193 telah ditahan bersama ketiga-tiga orang yang berada di dalamnya. Ketiga-tiganya telah dibawa keluar dari kereta itu. Sementara itu kereta yang dinaiki oleh SP6 telah tiba dan SP6 telah mematikan enjin kereta dan mengambil kunci kereta.

[14] Ketiga-tiga orang di dalam kereta WM 3193 telah dikenal pasti sebagai ketiga-tiga tertuduh. Tertuduh pertama dicamkan, khususnya oleh SP9, sebagai pemandu kereta. Tertuduh kedua dicamkan sebagai orang yang duduk di sebelah pemandu, sementara tertuduh ketiga dicamkan sebagai orang yang duduk di belakang.

[15] SP6 telah memeriksa kereta WM 3193. Beliau tidak menjumpai apa-apa barang yang disyaki di tempat duduk pemandu dan penumpang hadapan. Di lantai di belakang tempat duduk pemandu SP6 telah menjumpai satu karung plastik berwarna hitam. Di atas tempat duduk di belakang pemandu, beliau telah menjumpai dua beg galas berwarna hitam, satu beg plastik berwarna hitam dan satu

A sampul surat. SP6 kemudian telah mengarahkan tertuduh pertama membuka but kereta itu. Tetapi itu didapati tidak berkunci. Di dalamnya beliau menemui dua karung plastik hitam.

B **[16]** SP6 telah menggunakan pisau kecil untuk menebuk setiap karung plastik hitam yang dijumpai dan mendapati setiap karung itu mengandungi satu karung plastik putih di dalamnya dan dari dalam setiap karung putih itu dia telah mengeluarkan satu ketulan mampat tumbuhan yang dibalut dengan plastik lutsinar dan disyaki olehnya dadah jenis kanabis.

C **[17]** Setiap karung telah diperiksa dan di dalam karung yang ditemui di lantai di belakang tempat duduk pemandu didapati ada 20 ketulan mampat bahan tumbuhan, sementara di dalam dua karung yang ditemui di dalam but kereta didapati masing-masing ada 17 dan 20 ketulan mampat bahan tumbuhan.

D **[18]** Barang-barang yang ditemui di tempat duduk di belakang pemandu didapati kepunyaan ketiga-tiga tertuduh. Keterangan juga telah dikemukakan bagi menunjukkan bahawa tertuduh pertama telah membeli kereta WM 3193 melalui SP3 dan kereta itu telah diserahkan kepada tertuduh pertama pada 13 April 2001. Menurut SP4, iaitu tuan punya kereta itu sebelum dijual kepada tertuduh pertama, sistem pengunci bersepadu ('central locking') kereta itu kadang-kadang tidak
E berfungsi dan terdapat masalah dengan pengunci ('lock') bagi but kereta itu. Dia sendiri jarang menggunakan but itu.

BEBAN PEMBUKTIAN

F **[19]** Pada penutup kes pendakwaan, mahkamah perlu menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh atas pertuduhan yang dikemukakan.

[20] Dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, Mahkamah Persekutuan mengatakan bahawa (di ms 315):

G

> … the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established.

Mahkamah Persekutuan seterusnya mengatakan bahawa (di ms 316):

H

> The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

I

[21] Oleh yang demikian, berdasarkan ujian yang digariskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* itu, saya perlu menilai secara maksimum keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa sehingga kes pendakwaan ditutup untuk melihat sama ada kes prima facie sudah dibuktikan

terhadap tertuduh dalam kes ini. Kesemua keterangan telah dinilai berpandukan ujian itu.

PERKARA YANG PERLU DIBUKTIKAN

[22] Untuk membuktikan pertuduhan yang telah dikemukakan terhadap ketiga-tiga tertuduh, pihak pendakwa perlu membuktikan bahawa:

(1) ketiga-tiga tertuduh mengedar suatu benda;

(2) pada tarikh dan masa dan di tempat yang dikatakan dalam pertuduhan;

(3) benda itu ialah suatu dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB');

(4) dadah berbahaya itu ialah kanabis seperti yang ditakrifkan dalam ADB;

(5) ketiga-tiga tertuduh melakukan perbuatan itu bersama-sama dengan niat bersama.

IDENTITI DAN BERAT DADAH

[23] Saya berpuas hati daripada keterangan ahli kimia kerajaan (SP5) bahawa bahan yang ditemui dalam kereta WM 3193 dan seterusnya dikemukakan di mahkamah ialah dadah berbahaya, iaitu kanabis mengikut pengertian ADB, dan beratnya ialah seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan.

[24] Pihak pembelaan tidak mencabar keterangan SP5 bahawa bahan tumbuhan itu ialah kanabis dan dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan dalam ADB. Tidak juga dicabar keterangan SP5 bahawa berat kanabis itu ialah 56,766g. Tidak juga dipertikaikan bahawa kanabis yang dikemukakan di mahkamah ialah kanabis yang ditemui dalam kereta WM 3193, iaitu selepas kanabis itu melalui proses analisis oleh SP5.

[25] Kereta WM 3193 telah ditahan oleh pasukan serbuan sebelum kereta itu sampai ke destinasinya. Pasukan serbuan jelas tidak sabar hendak menahan kereta itu dan dengan itu telah hilang peluang untuk melihat ke manakah destinasi WM 3193 dan apakah yang hendak dilakukan dengan dadah yang ditemui dalam kereta itu.

[26] Oleh yang demikian, tiada keterangan telah dikemukakan di mahkamah ini yang dapat secara langsung menunjukkan perbuatan mengedar dadah oleh ketiga-tiga atau mana-mana tertuduh. Tanpa keterangan sedemikian, maka pertuduhan bagi pengedaran dadah akan hanya dapat dibuktikan jika pihak pendakwa dapat menggunakan anggapan dalam perenggan 37(da) ADB. Disebabkan oleh keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Muhammed bin Hassan v PP* [1998] 2 MLJ 273 dan dalam kes *Public Prosecutor v Tan Tatt Eek and other appeals* [2005] 2 MLJ 685, maka pihak pendakwa tidak dapat bergantung pada anggapan dalam perenggan 37(d) ADB dan seterusnya bergantung pula pada anggapan dalam perenggan 37(da).

[27] Maka pihak pendakwaan perlulah membuktikan kewujudan pemilikan sebenar oleh ketiga-tiga tertuduh dengan niat bersama untuk membolehkannya menggunakan anggapan dalam perenggan 37(da) ADB itu.

NIAT BERSAMA

[28] Tidak dipertikaikan bahawa tertuduh pertama memang tinggal di rumah No 18 Jalan Padang 4/48. Tertuduh kedua dilihat masuk ke rumah No 18 itu pada jam 9.30 pagi hari kejadian. Tiada keterangan dikemukakan yang dapat menunjukkan bilakah tertuduh ketiga datang ke rumah itu. Kata SP6 keseluruhan rumah No 18 itu berpagar. Tetapi tiada keterangan dikemukakan sama ada selain pintu pagar hadapan, terdapat pintu masuk lain ke kawasan rumah itu.

[29] Dari kira-kira jam 2 pagi pada hari kejadian apabila pasukan serbuan mengambil tempat berhampiran rumah No 18 Jalan Padang 4/48, sehinggalah kereta WM 3193 keluar dari perkarangan rumah pada jam 10 pagi, tidak seorang pun anggota serbuan membuat tinjauan atau pemerhatian untuk melihat apa yang telah berlaku pada kereta WM 3193. Oleh itu tidak seorang pun daripada anggota serbuan tahu sama ada dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan telah dimasukkan ke dalam WM 3193 dalam tempoh pasukan itu 'mengawasi' rumah itu, jauh sekali siapa yang memasukkan dadah itu ke dalam kereta WM 3193.

[30] Dengan yang demikian, satu-satunya keterangan yang dapat dijadikan sandaran oleh pihak pendakwaan bagi niat bersama ialah kehadiran ketiga-tiga tertuduh bersama dalam kereta WM 3193 dari mula kereta WM 3193 bergerak keluar dari rumah No 18 Jalan Padang 4/48 pada jam 10.00 pagi sehinggalah kereta itu ditahan pada jam kira-kira 10.30 pagi pada hari kejadian, iaitu suatu tempoh masa kira-kira 30 minit.

[31] Timbalan pendakwa raya berhujah bahawa kehadiran ketiga-tiga tertuduh bersama dalam kereta WM 3193 dalam tempoh masa itu mencukupi untuk menunjukkan bahawa wujud niat bersama bagi pemilikan sebenar dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan. Adakah itu benar?

[32] Dalam kes *Shamsuddin bin Hassan & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 314 yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dan diikuti oleh mahkamah itu dalam kes *Choo Yoke Choy v Public Prosecutor* [1992] 2 MLJ 633, mahkamah itu mengatakan bahawa (di ms 316):

> … it is essential that there should be evidence of a common intention, or evidence from which such common intention can properly be inferred, to commit the act actually committed: see *Lee Yoon Choy & Ors v Public Prosecutor* [1948-49] MLJ Supp 167 quoting with approval *Mahbub Shah v King-Emperor* AIR 1945 PC 118, LR 72 IA 148. The mere fact of a bundle being thrown out of the car is not evidence of common intention or evidence from which such common intention can properly be inferred.

[33] Dalam kes *Sabarudin bin Non & Ors v Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37, YA Gopal Sri Ram HMR, semasa menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan,

telah membincangkan isu niat bersama dan telah merujuk kepada penghakiman Thomas H dalam kes *Suresh v State of Uttar Pradesh* AIR 2001 SC 1344 yang membincangkan s 34 Kanun Keseksaan India ('IPC') yang matannya sama dengan s 34 Kanun Keseksaan negara ini. Penghakiman yang dirujuk itu adalah seperti yang berikut:

> Thus to attract s 34 IPC two postulates are indispensable: (1) the criminal act (consisting of a series of acts) should have been done, not by one person, but more than one person; (2) doing of every such individual act cumulatively resulting in the commission of criminal offence should have been in furtherance of the common intention of all such persons. Looking at the first postulate pointed out above, *the accused who is to be fastened with liability on the strength of s 34 IPC should have done some act which has nexus with the offence.* Such act need not be very substantial, it is enough that the act is only for guarding the scene for facilitating the crime. The act need not necessarily be overt, even if it is only a covert act it is enough, provided such a covert act is proved to have been done by the co-accused in furtherance of the common intention. Even an omission can, in certain circumstances, amount to an act. This is the purport of s 32 IPC. So the act mentioned in s 34 IPC need not be an overt act, even an illegal omission to do a certain act in a certain situation can amount to an act, eg a co-accused, standing near the victim face to face saw an armed assailant nearing the victim from behind with a weapon to inflict a blow. The co-accused, who could have alerted the victim to move away to escape from the onslaught deliberately refrained from doing so with the idea that the blow should fall on the victim. Such omission can also be termed as an act in a given situation. Hence an act, whether overt or covert, is indispensable to be done by a co-accused to be fastened with the liability under the section. But if no such act is done by a person, even if he has common intention with the others for the accomplishment of the crime, s 34 IPC cannot be invoked for convicting that person. In other words, the accused who only keeps the common intention in his mind, but does not do any act at the scene, cannot be convicted with the aid of s 34 IPC. (Emphasis added.)

[34] Rujukan juga telah dibuat oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Sabarudin bin Non* itu kepada penghakirnan Sethi H yang dibuat bagi pihaknya dan Agrawal H dalam kes *Suresh v State of Uttar Pradesh* itu. Penghakiman Sethi H itu yang dipetik oleh Mahkamah Rayuan adalah seperti yang berikut:

> Section 34 of the Indian Penal Code recognises the principle of vicarious liability in the criminal jurisprudence. It makes a person liable for action of an offence not committed by him but by another person with whom he shared the common intention. It is a rule of evidence and does not create a substantive offence. The section gives statutory recognition to the common sense principle that if more than two persons intentionally do a thing jointly, it is just the same as if each of them had done it individually. There is no gain saying that a common intention pre-supposes prior concert, which requires a pre-arranged plan of the accused participating in an offence. *Such a pre-concert or pre-planning may develop on the spot or during the course of commission of the offence but the crucial test is that such plan must precede the act constituting an offence. Common intention can be formed previously or in the course of occurrence and on a spur of moment. The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case.* (Emphasis added.)

[35] Timbalan pendakwa raya berhujah bahawa niat bersama boleh wujud dalam sekejap masa. Beliau menggunakan kes *Namasiyiam & Ors v Public Prosecutor* [1987] 2 MLJ 336 sebagai nas untuk menyokong hujah beliau itu. Memang benar dalam kes

itu Mahkamah Agung ada mengatakan bahawa niat bersama boleh wujud dalam masa yang singkat, namun apa yang dikatakan oleh Mahkamah Agung dalam kes itu tentang niat bersama perlu dilihat keseluruhannya. Mahkamah Agung dalam kes itu telah berkata, di ms 344, bahawa:

> In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence of that common intention.
>
> Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused. (The Supreme Court of India on *Criminal Law 1950–1960* by JK Soonavala pp 188–193).

[36] Dalam kes ini keterangan yang ada hanyalah bahawa ketiga-tiga tertuduh berada dalam kereta WM 3193 dari masa kereta itu keluar dari rumah No 18 hinggalah kereta itu ditahan 30 minit kemudian. Itu sahaja. Tidak ada langsung apa-apa keterangan tentang apakah yang berlaku di dalam kereta itu sepanjang masa 30 minit itu walaupun kereta itu diekori oleh pasukan serbuan dalam tiga buah kenderaan. Pada hemat saya, sekiranya, seperti dalam kes *Shamsuddin bin Hassan*, pembuangan bungkus yang mengandungi dadah dari kereta yang bergerak dan membawa dua orang yang disyaki pun didapati tidak cukup untuk menunjukkan kewujudan niat bersama antara dua orang itu, apatah lagi dalam kes ini.

[37] Oleh yang demikian, saya mendapati bahawa pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan kewujudan niat bersama pada ketiga-tiga atau mana-mana tertuduh.

PEMILIKAN SEBENAR

Pengetahuan

[38] Timbalan pendakwa raya telah mengakui bahawa bagi dua karung yang ditemui dalam but kereta WM 3193, sukar untuk membuktikan pengetahuan. Namun beliau berhujah bahawa ketiga-tiga tertuduh sudah tentu tahu tentang dadah yang terdapat dalam karung di lantai di belakang tempat duduk pemandu. Kata beliau karung itu besar dan kereta WM 3193 itu bukanlah suatu kereta yang besar. Adakah pengetahuan terbukti dengan semata-mata ketiga-tiga tertuduh melihat dan menyedari adanya karung hitam itu?

[39] Dalam kes *Public Prosecutor v Tan Tatt Eek* [2005] 4 CLJ 460, yang diputuskan oleh Mahkamah Pensekutuan pada 18 Oktober 2005 ('kes *Tan Tatt Eek (2)*'), Tertuduh telah dilihat oleh pasukan serbuan keluar dari kereta dengan membawa beg plastik warna jingga dengan tangan kanannya dan telah masuk

ke dalam lif di sebuah kondominium di tempat kejadian. Dia kemudiannya dilihat keluar dari lif itu dan menuju ke kereta itu dengan membawa sebuah beg plastik berwarna jingga. Semasa dia hendak membuka pintu kereta, pasukan serbuan telah pergi kepadanya dan mengenalkan diri. Tertuduh telah melepaskan beg plastik jingga itu dari pegangannya dan dia dilihat berada dalam keadaan terkejut. Beg plastik itu didapati mengandungi dua bungkusan yang dibalut dengan kertas akhbar. Setiap bungkusan dibaluti plastik jernih dan mengandungi bahan ketulan dan serbuk yang didapati mengandungi campuran heroin dan monoacetylmorphines.

[40] Isu yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tan Tatt Eek (2)* itu ialah sama ada tertuduh tahu tentang dadah dalam beg plastik jingga itu. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa hakikat bahawa tertuduh telah melepaskan beg plastik dari pegangannya dan berada dalam keadaan terkejut tidak mencukupi untuk menunjukkan dia tahu tentang dadah dalam beg plastik itu. Rujukan telah juga dibuat kepada kes *Muhammed bin Hassan* yang faktanya hampir serupa dengan fakta kes ini.

[41] Dalam kes di hadapan saya, tiada keterangan yang dapat menunjukkan sama ada ketiga-tiga tertuduh atau mana-mana tertuduh ada melihat kandungan karung-karung plastik yang mengandungi dadah itu. Malah tiada keterangan bahawa ketiga-tiga atau mana-mana tertuduh ada memegang mana-mana karung itu. Jika keterangan bahawa seseorang memegang beg plastik mengandungi dadah seperti dalam kes *Tan Tatt Eek (2)* atau memegang bungkusan mengandungi dadah seperti dalam kes *Muhammed bin Hassan* pun diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan tidak cukup untuk menunjukkan pengetahuan tentang adanya dadah, maka tidak syak lagi keterangan dalam kes di hadapan saya ini juga tidak cukup untuk menunjukkan bahawa ketiga-tiga tertuduh atau mana-mana tertuduh tahu bahawa karung-karung plastik hitam yang ditemui dalam kereta WM 3193, khususnya karung plastik hitam yang ditemui di lantai di belakang tempat duduk pemandu, mengandungi dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan.

[42] Sebagaimana yang dikatakan oleh YA VT Singham HMT dalam kes *Public Prosecutor v Ayyavoo a/l Subramaniam & Anor* [2004] 6 MLJ 511 yang dirujukkan oleh timbalan pendakwa raya kepada mahkamah ini, 'there was nothing in the evidence which gave grounds for anything more than suspicion and it is hardly necessary to observe and repeat that suspicion is not legal proof' Walaupun dalam kes ini mungkin timbul syak bahawa ketiga-tiga tertuduh atau mana-mana tertuduh tahu tentang kewujudan dadah berbahaya dalam karung plastik hitam di lantai di belakang tempat duduk pemandu, namun tiada apa-apa keterangan yang dapat dijadikan sandaran untuk membuktikan bahawa memang pengetahuan sedemikian wujud.

[43] Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan bahawa ketiga-tiga tertuduh atau mana-mana tertuduh tahu

tentang adanya kanabis dalam karung-karung plastik hitam itu, khususnya yang berada di lantai di belakang tempat duduk pemandu.

Kawalan dan jagaan

[44] Dalam kes *Choo Yoke Choy v Public Prosecutor* [1992] 2 MLJ 632, YA Anuar HMA(ketika itu) yang menyampaikan keputusan Mahkamah Agung telah memetik apa yang dikatakan oleh YA Hakim Taylor dalam kes *Leow Nghee Lim v R* [1956] MLJ 28 tentang apa yang dimaksudkan dengan kawalan dan jagaan. Menurut YA Hakim Taylor (di ms 29):

> Custody means having care or guardianship; goods in custody are in the care of the custodian and, by necessary implication, he is taking care of them on behalf of someone else. You cannot take care of goods unless you know where they are and have the means of exercising control over them. Custody therefore implies knowledge of the existence and whereabouts of the goods and power of control over them, not amounting to possession.

[45] Tidak ada apa-apa keterangan dalam kes di hadapan saya ini yang dapat menunjukkan sama ada kesemua tertuduh atau siapakah tertuduh yang mempunyai kuasa untuk mengawal dadah yang berada dalam karung-karung plastik hitam itu.

[46] Kereta WM 3193 dibeli oleh dan berada dalam milikan tertuduh pertama tetapi fakta kes tidak mendedahkan siapakah yang meletakkan dan bilakah diletakkan karung-karung plastik hitam itu ke dalam WM 3193. Pengunci bersepadu dan pengunci but kereta WM 3193 tidak berfungsi dengan baik dan SP6 mendapati but kereta tidak berkunci semasa kereta ditahan pada hari kejadian. Oleh yang demikian, wujud kemungkinan bahawa mana-mana atau kesemua tertuduh mempunyai akses kepada kereta itu. Bagaimanapun, kalau sekalipun mana-mana daripada tertuduh memasukkan karung-karung itu ke dalam kereta WM 3193, fakta itu pun tidak cukup untuk menunjukkan bahawa dia atau mana- mana tertuduh yang lain mempunyai kawalan ke atas karung-karung yang mengandungi dadah itu.

[47] Dengan yang demikian, saya berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan bahawa ketiga-tiga atau mana-mana daripada tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan.

Kesimpulan

[48] Kesimpulannya dengan kegagalan pihak pendakwa untuk membuktikan unsur pengetahuan dan kawalan atau jagaan maka pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan milikan sebenar dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan oleh ketiga-tiga tertuduh atau mana-mana tertuduh.

[49] Apabila milikan sebenar tidak dibuktikan, maka pihak pendakwa tidaklah dapat untuk bergantung pada anggapan dalam perenggan 37(da) ADB terhadap ketiga-tiga tertuduh.

DAPATAN

[50] Tanpa keterangan yang secara langsung dapat membuktikan perbuatan pengedaran, saya dapati bahawa pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan kes prima facie bagi pertuduhan pengedaran kanabis seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan.

Pertimbangan sama ada anggapan pemilikan dapat dibangkit

[51] Saya telah juga menimbangkan sama ada anggapan di bawah perenggan 37(d) ADB boleh dibangkitkan dan pertuduhan patut dipinda kepada pertuduhan pemilikan dadah kanabis di bawah s 6 yang boleh dihukum di bawah subseksyen 39A(2) ADB.

[52] Seperti yang dinyatakan di atas, saya berpuas hati bahawa jagaan atau kawalan oleh ketiga-tiga atau mana-mana tertuduh bagi karung-karung plastik hitam yang mengandungi kanabis itu telah tidak dibuktikan terhadap ketiga-tiga tertuduh. Oleh sebab anggapan di bawah perenggan 37(d) itu hanya berbangkit jika jagaan atau kawalan sedemikian telah dibuktikan, maka dalam kes ini anggapan di bawah perenggan 37(d) ADB juga tidak boleh dibangkitkan.

Keputusan

[53] Berdasarkan pertimbangan yang telah dihuraikan di atas, saya telah memutuskan pada akhir kes pendakwaan bahawa pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan kes prima facie terhadap ketiga-tiga tertuduh bagi pertuduhan yang dikemukakan terhadap mereka. Oleh yang demikian, ketiga-tiga mereka telah dibebaskan dan dilepaskan.

Ketiga-tiga tertuduh dibebaskan dan dilepaskan.

Reported by Peter Ling